

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester I,

Sidang 1988/89

Prinsip-Prinsip Pembungkusan

FEL 303.2

Tarikh: 25 Oktober 1988

Masa: 2.15 petang - 4.15 petang  
( 2 jam)

Kertas ini mengandungi LIMA soalan.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

1. (A) Sebuah syarikat ingin menggunakan satu jenis bekas kaca yang sesuai untuk membungkus sediaan injeksi dos berganda. Terangkan komposisi kaca yang boleh digunakan dan bincangkan fungsi masing-masing?

(10 markah)

- (B) Menyimpan sediaan berair di dalam bekas kaca boleh menimbulkan beberapa masalah. Bincangkan masalah-masalah ini dan terangkan cara-cara untuk mengatasinya?

(15 markah)

2. Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan ciri-ciri fizikokimia yang sesuai untuk memilih pembungkus sediaan farmasi jenis campuran oral. Bagaimana anda boleh menguji ciri-ciri bahan-bahan ini?

(25 markah)

3. (A) Terangkan bagaimanakah bahan asas plastik digunakan untuk membuat pembungkus?

(10 markah)

- (B) Terangkan secara ringkas bahan-bahan asas dan komponen-komponen pembungkus untuk satu jenis sediaan pepejal supaya dapat memenuhi semua fungsi pembungkusan.

(15 markah)

4. Bincangkan secara ringkas tentang interaksi-interaksi fizikal dan akibat-akibatnya yang mungkin terjadi di antara sediaan cecair dengan bekas kaca dan plastik.

(25 markah)

5. Terangkan peranan setiap komponen biasa penutup jenis skru dan pengubahsuaian-pengubahsuaian rekabentuknya yang boleh dilakukan untuk memenuhi tujuan dan mengatasi masalah tertentu.

(25 markah)